

ISA berkesan banteras demonstrasi

BH 20/11/07 M/S 14
Dalang perhimpunan haram jejas ketenteraman awam perlu hukuman tegas



Meniti
Arus

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

SUKAR dipastikan mengapa rakyat negara ini yang terkenal dengan sikap lemah lembut, berbudi bahasa, bersopan santun dan cintakan keamanan secara tiba-tiba menjadi agresif dan seolah-olah memberontak.

Fenomena yang dimaksudkan ialah protes jalanan yang nampaknya mula mewarnai landskap politik negara sejak kebelakangan ini.

Protes secara kecil-kecilan yang bermula dengan perarakan peguam di Putrajaya sedikit masa dulu, diikuti perhimpunan masyarakat keturunan India di hadapan Pejabat Perdana Menteri dan perhimpunan haram di Batu Buruk, Terengganu awal bulan ini akhirnya 'meletup' dalam bentuk demonstrasi besar-besaran, bulan ini.

Seperti yang dilaporkan ribuan manusia menyertai perhimpunan anjuran Bersih di hadapan Istana Negara pada 10 November dan ribuan lagi yang pada keseluruhannya terdiri daripada masyarakat keturunan India turut serta dalam perhimpunan anjuran Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (Hindraf) Ahad lalu walaupun kedua-dua perhimpunan tersebut diklasifikasikan sebagai haram dari segi undang-undang kerana tidak mendapat permit.

lam suasana penuh penipuan untuk memberi kemenangan kepada parti pemerintah? Betulkah Malaysia mengamalkan dasar pembersihan etnik untuk melenyapkan rakyat keturunan India dari muka bumi negara ini seperti yang didakwa Hindraf?

Betulkah setiap dua minggu sekali seorang tahanan polis, kebanyakannya keturunan India, dibunuh di bawah dasar *shoot to kill* yang diamalkan kerajaan?

Apakah asas pelbagai lagi tuduhan yang berbau perkauman dan berbentuk hasutan dalam memorandum Hindraf yang kononnya untuk disampaikan kepada Kerajaan Britain tetapi sehingga sekarang masih belum diterima oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi negara itu di Kuala Lumpur?

Soalan-soalan di atas tidak dapat dielakkan setiap kali isu demonstrasi jalanan akhir-akhir ini dibincangkan. Walau apa pun isu yang didakwa diperjuangkan penganjur demonstrasi jalanan itu, orang tidak dapat mengelakkan diri daripada membuat pelbagai andaian dan spekulasi mengenai niat sebenar atau matlamat tersirat di sebalik penganjuran demonstrasi itu.

Malah maklumat risikan yang diperolehi tidak menolak kemungkinan wujud agenda besar atau 'grand design' yang didalangi oleh pihak tertentu yang mahu merebut kuasa di negara ini secara tidak sah.

Walaupun rampasan kuasa secara militan tidak pernah berlaku di Malaysia, kerajaan pilihan rakyat boleh digulingkan

sekiranya wujud keadaan huru-hara yang berpanjangan.

Protes rakyat yang berpanjangan dan berterusan, kalau gagal ditangani secara berkesan, boleh menggelembung sehingga menjadi 'people power' yang pernah menumbangkan beberapa presiden di Filipina.

Soal ketidakpuasan hati mengenai pengendalian pilihan raya, masalah yang dihadapi kaum India di negara ini atau kemelut yang menyelubungi sistem kehakiman bukanlah perkara yang tidak disedari kerajaan. Malah beberapa tindakan diambil untuk mengatasi masalah itu. Secara logiknya demonstrasi secara besar-besaran tidak perlu untuk menyedarkan kerajaan mengenai permasalahan berkenaan, apatah lagi untuk menyelesaikannya.

Analisis lebih mendalam mengenai istilah yang dipilih untuk menamakan gabungan NGO yang menganjurkan demonstrasi itu sendiri boleh memberi gambaran hasrat sebenar mereka.

Bersih yang membawa makna suci dan tidak tercemar boleh mengaburi mata rakyat bahawa merekalah yang sebenar-benarnya betul, suci dan ikhlas berbanding pihak lain, tentunya kerajaan yang kotor, tidak ikhlas dan tercemar.

Begitu juga dengan Hindraf atau penuhnya Hindu Rights Action Force. Perkataan yang digunakan di sini adalah 'force' bukan 'front' yang lazim digunakan. Ini menunjukkan bahawa apa yang cuba digambarkan

oleh penganjur ialah mereka adalah satu 'pasukan' yang berani ala tentera yang sanggup menghadapi apa saja rintangan dan kemungkinan.

Secara tidak langsung sikap mereka seolah-olah sengaja mencabar kerajaan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Kenyataan Abdullah ketika Perhimpunan Agung Umno baru-baru bahawa beliau pantang dicabar cuba diperolekkan.

Apakah majoriti rakyat di negara ini yang cintakan keamanan dan mahu mencari rezeki untuk menyara keluarga dalam keadaan selesa, rukun damai dan harmoni reda dengan perbuatan mereka dan menyokong mereka.

Anehnya, apabila Abdullah menegaskan bahawa kerajaan tidak akan teragak-agak menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap pemimpin dan penganjur protes jalanan itu, mereka mulai gelisah.

Jelaslah bahawa masih ramai rakyat negara ini masih belum mengenali Pak Lah sebenarnya, sejarah dan pengalaman politik yang dilaluinya serta hati budinya. Bak kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, "tunggulah".


Datuk Abdul Rahman Sulaiman, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, ialah Pengarah Komunikasi Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri

Demonstrasi atau protes jalanan bukan satu fenomena baru di Malaysia kerana pernah berlaku apabila ribuan pelajar berarak di jalan-jalan raya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru pada 1973 dan 1974 kerana membantah apa yang didakwa sebagai masalah kebuluran rakyat di Baling, Kedah akibat kejatuhan harga getah dan pemindahan setinggian di Tasik Utara, Johor Bahru. Demonstrasi juga berlaku ketika reformasi anjuran penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1978, jumlah dan bentuk penyertaan kali ini dikatakan agak luar biasa.

Menurut laporan kedua-dua penganjur - Bersih dan Hindraf - merancang untuk mengadakan lebih banyak demonstrasi di seluruh negara dalam masa terdekat.

Hakikat bahawa demonstrasi itu diteruskan juga walaupun pihak berkuasa berulang kali mengingatkan mengenai risiko yang bakal dihadapi peserta, menunjukkan seolah-olah isu yang diperjuangkan itu cukup besar sehingga tiada jalan lain untuk menyelesaikannya.

Betulkan ini? Betulkah pilihan raya di negara ini sejak Merdeka dikendalikan da-



JEJAS KEAMANAN: Perhimpunan haram bukan saja menyusahkan rakyat malah mencetuskan huru-hara.